

Idris: 82% EPP beroperasi, perkembangan cemerlang
Malaysiakini.com
July 5, 2011

Sebanyak 82 peratus daripada inisiatif projek permulaan (EPP) telah memulakan operasi dengan baki 18 peratus pada pelbagai peringkat pembangunan.

"Perkembangan keseluruhan ETP sehingga kini cemerlang. Sebanyak 65 Projek Permulaan telah diumumkan dengan komitmen pelaburan sebanyak RM170 bilion.

Unjuran Pendapatan Negara Kasar (PNK) ialah RM220 bilion manakala lebih 360,000 pekerjaan baru akan diwujudkan.

"Kita pada kedudukan yang tepat untuk mencapai PNK, pelaburan dan pewujudan sasaran pekerjaan baru menjelang 2020," kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Ketua Pegawai Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu), Datuk Seri Idris Jala dalam kenyataan mengenai pengumuman perkembangan terkini ketujuh Program Transformasi Ekonomi (ETP) di Kuala Lumpur hari ini.

ETP dipacu oleh 12 Bidang Ekonomi Utama Negara yang menumpukan kepada pelbagai industri dengan 131 EPP digariskan oleh kerajaan dalam usaha mengubah ekonomi negara.

- Bernama